



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 10/2024



TAHSIN SOLAT

25 OKTOBER 2024M | 22 RABIULAKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Azza wa Jalla dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala.

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin mengajak para jemaah semua untuk menghayati perkara yang sangat penting dalam kehidupan kita sebagai seorang Muslim, iaitu Tahsin Solat. Tahsin solat bermaksud memperbaiki, memperelok dan meningkatkan mutu solat supaya ia dilaksanakan dengan lebih sempurna, dalam keadaan khusyuk dan memenuhi segala rukun serta syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat. Ia merangkumi aspek bacaan, gerakan, niat, serta kehadiran hati semasa melaksanakannya.

Kenapa tahsin solat itu sangat penting? Kerana solat merupakan tiang agama dan ibadah yang pertama sekali akan dihisab pada hari kiamat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ، فَإِنْ صَلَحَتْ، صَلَحَ سَائِرُ

عَمَلِهِ، وَإِنْ فَسَدَتْ، فَسَدَ سَائِرُ عَمَلِهِ



Yang bermaksud: *“Amalan pertama yang akan dihisab bagi seorang hamba pada hari kiamat adalah solatnya. Jika solatnya baik, maka baiklah seluruh amalannya. Jika solatnya rosak, maka rosaklah seluruh amalannya.”*

Hadis ini memberikan kefahaman bahawa hanya solat yang sempurna sahaja akan diterima dan menyelamatkan kita di akhirat. Sebaliknya, jika solat kita tidak terjaga atau tidak berkualiti, maka seluruh amalan kita yang lain menjadi rosak dan tidak berguna. Maka syarat untuk berjaya di akhirat adalah melaksanakan solat dengan sempurna dengan menjaga waktunya, betul bacaannya dan elok pergerakannya menepati cara solat seperti diajar oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta ditunaikan dengan penuh khusyuk.

Allah Ta’ala berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 238:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾



Yang bermaksud: *“Peliharalah kamu segala solat fardu, khasnya solat Wusta (solat Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam solat kamu) dengan taat dan khusyuk.”*

Khusyuk dalam solat adalah perkara yang sangat penting. Khusyuk membawa maksud kehadiran hati dan tumpuan penuh kepada Allah Ta’ala ketika kita melaksanakan solat. Firman-Nya dalam surah al-Mu'minin ayat 1 hingga 2:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya.”*

Khusyuk dalam solat tidak mudah dicapai tanpa usaha dan latihan. Kita perlu mengosongkan hati daripada hal-hal duniawi, serta menghadirkan rasa takut dan cinta kepada Allah dalam setiap gerakan dan bacaan solat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wa Jalla.

Solat yang elok dan sempurna bermula dari sebelum solat itu ditunaikan lagi. Wuduk yang kita ambil hendaklah sah. Kemudian kita mesti memperbaiki niat sebelum solat dengan memastikan ia dilakukan semata-mata kerana Allah Ta'ala dan menghindari sifat riya' atau keinginan untuk dipuji oleh orang lain. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah al-Ma'un ayat 4 hingga 6:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: “Maka kecelakaan besar bagi orang yang bersolat. (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya; (Juga bagi) orang yang berkeadaan riya' (dalam ibadahnya).”

Dalam solat, terdapat 13 rukun kesemuanya merangkumi rukun qalbi iaitu melibatkan hati, rukun qauli iaitu bacaan atau sebutan dan rukun fi'li iaitu berkaitan pergerakan atau perbuatan. Jika ada mana-mana rukun yang tertinggal walaupun satu sahaja atau dilaksanakan secara salah, maka solat kita tidak sah. Oleh sebab itu, kita mesti mempunyai ilmu dan kefahaman yang



mendalam tentang selok-belok solat yang menepati syariat Islam dalam Mazhab Imam Syafie.

Ramai orang mungkin terlepas pandang dengan beberapa kesalahan yang biasa dilakukan sehingga menjadikan solatnya tidak sah. Contohnya seperti tidak melafazkan “*Allahu Akbar*” di mulut ketika takbiratul ihram, hanya dalam hati. Sepatutnya lafaz takbiratul ihram, “*Allahu Akbar*” hendaklah disebut sepenuhnya di mulut dan didengari oleh telinganya sendiri, tidak memadai hanya dalam hati. Demikian juga ramai yang tidak mengambil berat untuk memperbetulkan bacaan surah al-Fatihah. Ada yang membacanya dengan laju hingga tidak tepat makhraj dan tajwidnya. Ada juga yang tidak betul bacaan tahiyyatnya atau memberi salam dengan hanya memalingkan kepala ke kanan dan ke kiri, tetapi lafaz salam itu tidak disebut di mulut.

Dari segi pergerakan juga, pelbagai kesalahan sering dilakukan seperti tidak berdiri dengan betul, tangan berayun-ayun ketika solat, tidak rukuk dan sujud dengan betul dan tiada thoma'ninah. Hal ini disifatkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti perbuatan mencuri dalam solat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Baginda bersabda yang bermaksud:



“Seburuk-buruk manusia ialah yang mencuri dalam solatnya. Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, bagaimana seseorang mencuri dalam solatnya? Baginda menjawab: Dia tidak menyempurnakan rukuk dan sujudnya. Atau Baginda bersabda: Dia tidak meluruskan tulang belakangnya ketika rukuk dan sujud.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wa Jalla.

Menunaikan solat yang sempurna memerlukan ilmu. Maka kita wajib belajar ilmu Fiqh Solat untuk memperelok solat supaya solat kita diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala dan natijahnya, solat kita menjadi benteng yang mencegah kita melakukan perbuatan keji dan mungkar.

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, dapatlah kita fahami bahawa:

Pertama, memastikan 13 rukun solat merangkumi rukun qalbi, rukun qauli dan rukun fi’li dilaksanakan dengan sempurna.

Kedua, melaksanakan perkara-perkara sunat dan menjauhi perkara-perkara makruh dan membatalkan solat.

Ketiga, hanya solat yang sempurna akan diterima di sisi Allah Azza wa Jalla dan solat itu akan membenteng diri kita daripada melakukan perbuatan yang mungkar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمُ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ

الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.